

Daulatkan Ketua Perhubungan jika mahu tumbangkan Pas — Shafie

UM 8 OCT 2001

TANAH MERAH 7 Okt. — Setiap ahli dan penyokong UMNO di Kelantan perlu mengubah pemikiran dan pandangan dengan mendaulatkan Ketua Perhubungan UMNO negeri sekiranya mahu menumbangkan Pas.

Mereka perlu bersikap seperti Pas yang mendaulatkan Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sehingga parti itu dilihat kuat dan berpadu.

Ini kerana parti itu hanya bergantung kepada penonjolan imej Nik Aziz walaupun Pas sebenarnya bukanlah sebuah parti yang kuat berbanding UMNO.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Mohd. Shafie Apdal ketika memberikan pandangan itu berkata, setiap ahli UMNO perlu mengukuhkan perpaduan dan bergerak mengikut program yang telah diatur oleh parti dan Pengerusi Badan Perhubungan negeri.

“Pas dilihat kuat kerana ahli parti itu akur kepada ketua di peringkat negeri dan mendaulatkan Datuk Nik Aziz,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan UMNO empat peringkat bahagian iaitu Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai ucapannya dalam majlis itu agar ahli UMNO mengubah pendekatan politik untuk menumbangkan kerajaan Pas Kelantan pada tahun 2004.

Mohd. Shafie yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata, di Sabah kedudukan UMNO terus kukuh kerana setiap ahli parti mengamalkan budaya akur kepada keputusan pucuk pimpinan di samping usaha membuktikan kemampuan UMNO menjaga kepentingan rakyat dan mendaulatkan Islam menerusi Barisan Nasional (BN).

“Di Sabah apabila Presiden parti (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) menyatakan pandangan atau keputusan kita muktamad menyokongnya.

“Begitu juga bila diputuskan siapa yang jadi Pengerusi Perhubungan, kita akur kerana inilah ketua kita.

Budaya

“Kalau ini menjadi pendekatan budaya UMNO di Kelantan, saya yakin UMNO boleh bertapak lebih kuat di Kelantan tetapi ini tidak bererti ada perpecahan,” katanya.

Beliau menambah, bukti Pas tidak kuat dapat disaksikan di Sarawak apabila menolak parti itu pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN), bulan lalu.

“Pas hendak pesongkan pemikiran rakyat Sarawak dengan memberi pendekatan salah, sebab itu dalam ceramah parti itu di satu-satu tempat sekitar 200 orang sahaja hadir.